

Memudahcarakan Pembiayaan untuk PMKS

SC terlibat secara aktif dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam ekosistem PMKS sepanjang tahun 2023, kerana ia giat berusaha membangunkan saluran pembiayaan yang berkesan untuk pembangunan perniagaan kecil negara. Pada 15 September 2023, SC memeterai MOU dengan SME Corp untuk memangkin akses yang lebih besar kepada pembiayaan pasaran modal untuk PMKS. SME Corp ialah agensi penyelaras pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang menyelaras pelaksanaan program pembangunan untuk PMKS di semua kementerian dan agensi berkaitan. Majlis menandatangani perjanjian itu diadakan di SC, di mana MOU itu ditandatangani oleh Pengerusi SC, Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Rizal Nainy.

